

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
29 MEI 2015**

1. PROGRAM DIALOG BAJET MPSP 2016

Sukacita dimaklumkan bahawa MPSP akan mengadakan **Program Dialog Bajet MPSP 2016** pada **13 Jun 2015** di Hotel Sunway, Seberang Jaya yang akan dirasmikan oleh YB Tuan Chow Kon Yeow, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas Dan Tebatan Banjir. Program ini akan disertai oleh Ahli-Ahli Majlis MPSP, wakil-wakil penduduk, RELA, JKKK, NGO, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Polis Di Raja Malaysia, Pejabat Tanah Daerah, Penang Women Development Corporation (PWDC), Federation of Malaysian Manufacturers(FMM) Briged Wanita, serta jabatan dalaman MPSP.

Program Dialog Bajet 2016 ini bertujuan untuk menggalakkan penyertaan komuniti dalam program dan tadbir urus MPSP, mendapatkan input, pandangan dan cadangan komuniti, mengenalpasti pendekatan pelaksanaan perkhidmatan dengan

sumber-sumber yang terhad serta menentukan peranan komuniti dalam meningkatkan perkhidmatan MPSP kepada penduduk Seberang Perai.

MPSP juga telah bekerjasama dengan PWDC dalam membuat rangka kerja bagi mengaplikasikan 'Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRPB). Dalam Program Dialog Bajet 2016, perspektif gender akan diberikan pertimbangan dan penekanan dalam setiap perancangan, program, pembangunan serta polisi yang akan dilaksanakan oleh MPSP. MPSP akan meningkatkan kesaksamaan gender dan keadilan sosial kerana keperluan berbeza mengikut jantina dan umur.

Hasil analisa Soal Selidik Bajet 2016 juga akan dibentangkan di dalam program ini dan akan di gunapakai dalam merangka bajet MPSP untuk tahun 2016.

2. PESTA PINGGIRAN BUTTERWORTH (BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL)

Saya di sini ingin memaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga kerjasama Think City Sdn.Bhd dan *George Town Festival* (GTF) buat julung kalinya akan merealisasikan

menganjurkan Pesta Pinggiran Butterworth [*Butterworth Fringe Festival* (BFF)] pada 15-16 Ogos 2015 (Sabtu-Ahad) di Jalan Jeti Lama, Butterworth. Pesta Pinggiran Butterworth [*Butterworth Fringe Festival* (BFF)] akan menjanjikan pelbagai kelainan aktiviti yang menarik untuk masyarakat melihat dan menghayati dengan lebih dekat pelbagai persembahan kebudayaan tempatan dan antarabangsa. Pelbagai acara yang bakal dipersembahkan akan menjadikan Butterworth sebagai hub acara inovatif, kreatif dan persembahan kebudayaan dan juga cara hidup masyarakat. Antara acara yang akan dipersembahkan adalah *Victoria & Armenian Street Project*, *The French Flavour*, *Voluminosity*, *Cette Immense*, *Snuff Puppets*, Pertunjukan Kebudayaan dan Kesenian oleh penduduk tempatan dan pelbagai lagi acara yang berteraskan asimilasi budaya serantau. Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Think City dan George Town Festival mengharapkan komuniti setempat khususnya dan seluruh negeri Pulau Pinang sama-sama hadir bagi menjayakan festival ini. Komitmen semua pihak adalah menjadi pemangkin utama dalam menjayakan program ini dan kolaborasi secara holistik yang wujud dalam pelaksanaan Pesta Pinggiran Butterworth [*Butterworth Fringe Festival* (BFF)]

diharapkan menjadi pemangkin dalam meningkatkan lagi kegemilangan Butterworth sebagai sebuah bandar yang bakal menjadi hub pengangkutan di Koridor Wilayah Utara dan serantau. BFF akan muncul sebagai salah satu produk pelancongan yang mempunyai *multiplier effect* bagi memacu kemajuan industri pelancongan dan lain-lain industri sokongan negeri Pulau Pinang.

3. SELAMAT MENYAMBUK HARI KEPUTERAAN DULI YANG MAHA MULIA YANG DI-PERTUAN AGUNG

Kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agung yang jatuh pada 6 Jun 2015 (Sabtu) dan hari tersebut merupakan Hari Kelepasan Am.

4. SELAMAT BERPUASA

Dimaklumkan, semua umat Islam dijangka akan menyambut Ramadhan al-Mubarak pada 18 Jun 2015 (Khamis). Justeru, saya ingin mengucapkan Selamat Berpuasa kepada seluruh umat Islam di Pulau Pinang.

5. MPSP CAR FREE MORNING @ SEBERANG PERAI

Sukacita dimaklumkan bahawa Program MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai akan diadakan untuk kali ke-2 di Jalan Todak 2, Seberang Jaya pada 7 Jun 2015 (Ahad) jam 7.00 pagi. Serentak dengan itu, program Senamrobik Bersama MPSP juga akan diadakan di situ.

6. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan dan Program Senamrobik Bersama MPSP Taman Berjaya, Nibong Tebal akan dihentikan untuk seketika semasa bulan Ramadhan. Program senamrobik ini akan diteruskan seperti biasa pada bulan Ogos 2015 dan tarikh akan dimaklumkan kelak.

SEKIAN, TERIMA KASIH.